

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 AUGUST 2016

Dr. Mahathir perlu minta maaf

UM - 7/8/2016

KUALA LUMPUR 6 Ogos - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta memohon maaf secara terbuka kepada kaum India di negara ini kerana menggunakan perkataan 'keling' sewaktu berucap dalam satu majlis yang menjadi viral di media sosial baru-baru ini.

Presiden Parti India Bersatu Malaysia (MUIP), Tan Sri S. Nallakaruppan menyifatkan tindakan bekas Presiden UMNO itu menghina masyarakat India di negara ini secara keseluruhannya.

Tegas Nallakaruppan, penggunaan perkataan itu adalah keterlaluan dan tidak wajar diucapkan oleh seorang bekas pemimpin tertinggi negara.

"Beliau pernah menjadi Perdana Menteri kepada sebuah negara yang berbilang kaum selama 22 tahun, mengapa menggunakan perkataan 'keling'? Ramai orang menghormatinya

selama ini tetapi mengapa tergamak menghina kaum India?"

"Sekarang beliau menaikkan kemarahan orang ramai, justeru perlu meminta maaf kepada seluruh kaum India atas apa yang dilakukannya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas klip video memaparkan Dr. Mahathir menyebut perkataan 'keling' yang menjadi viral menerusi media sosial.

Video berdurasi 25 saat itu difahamkan dirakam dalam satu

program Selamatkan Malaysia di Langkawi pada Mei lalu.

Nallakaruppan turut memuji Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang tidak pernah menggunakan perkataan menghina seperti itu.

"Kaum India di negara ini wajar menghargai sikap dan budi bahasa pemimpin negara ini," ujarnya.



S. NALLAKARUPPAN